

18/08/2000

Jalur Gemilang terbesar turun dari udara

KUALA LUMPUR, Khamis - Satu lagi rekod tercatat hari ini apabila Jalur Gemilang terbesar diturunkan dari udara sempena pelancaran sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penurunan bendera yang berukuran 3x6.95 meter oleh seorang pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari sebuah helikopter itu, akan direkodkan dalam Malaysia Book of Record.

Bendera itu kemudian diserahkan kepada Dr Mahathir oleh Mejar (U) Kamaruddin Abdullah selepas semua 18 penerjun Kelab Payung Terjun TUDM dan kelab payung terjun lain, berjaya membuat pendaratan di Dataran Merdeka meskipun ketika angin kencang.

(END)